

MAKMAL Kaunseling berkelompok USIM dapat dijalankan secara praktikal mengikut peringkat sebelum, semasa dan sesi kaunseling dilaksanakan.



Makmal kaunseling dan komunikasi USIM bertaraf antarabangsa

Oleh MOHD. SAIFUL MOHD SAHAK >> Gambar FAIZAL ABU HASSAN

KEJAYAAN membentuk pelajar yang berketerampilan dan berkemahiran bukan bergantung kepada kualiti pensyarah semata-mata tetapi ia perlu didokong oleh kemudahan prasarana seperti kelengkapan makmal dan studio bertaraf antarabangsa.

Faktor inilah yang mendorong Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) menyediakan kemudahan-kemudahan tersebut bagi manfaat para pe-

lajarnya terutama dalam jurusan kaunseling dan komunikasi.

Langkah itu adalah sebahagian usaha merealisasikan hasrat USIM untuk tidak berpaksi kepada pengajian tradisional sahaja. Sebaliknya, merentasi semua bidang yang memenuhi kehendak pasaran.

Bagi mencapai hasrat itu, sistem pembangunan kemudahan pelajar-pelajar USIM diberi tumpuan supaya dapat menyediakan persekitaran pe-



HALIM MOHD. HUSSIN

ngajaran yang kondusif sama ada dalam bentuk teori atau praktikal.

Tumpuan diberikan dalam usaha memperkukuhkan kemudahan-kemudahan utiliti pelajar bagi memastikan USIM setanding dengan universiti-universiti tempatan yang lain.

Setakat ini, USIM memperuntukkan hampir RM5 juta bagi mempertingkatkan kemudahan Makmal Kaunseling dan Komunikasi di Fakulti Pengurusan Dan Kepimpinan. Ia sebagai memenuhi keperluan para pelajar menjalani latihan praktikal.



KAMERA di Makmal Kaunseling yang digunakan untuk penggambaran di studio.

Selain program-program pengajaran berteraskan Islam dan perubahan, USIM turut menawarkan Ijazah Sarjana Muda Komunikasi dengan kepujian dan Sarjana Muda Kaunseling dengan kepujian.

Pensyarah Kanan Program Kaunseling USIM, Halim Mohd. Hussin berkata, makmal itu ini dibina untuk memberi pendedahan kepada pelajar-pelajar dalam menjalani latihan sebenar dunia kerjaya sebagai kaunselor.

Katanya, kemudahan bertaraf antarabangsa ini disediakan supaya para pelajar diiktiraf malah memudahkan mereka untuk memohon lesen pengamalan apabila mereka bercita-cita



ALAT kawalan berpusat berperanan merakam setiap perbincangan kaunseling oleh para pelajar dan pensyarah.



PELAJAR-pelajar USIM begitu teruja dengan peralatan kamera video baru yang disediakan oleh pihak universiti.

menjadi seorang kaunselor selepas menamatkan pengajian.

Kemudahan

“Buat masa ini USIM memiliki 12 makmal kaunseling yang terbahagi kepada lapan makmal individu dan empat berkelompok,” ujarnya.

Kemudahan tersebut adalah antara usaha menambah nilai para graduan USIM selain mempertingkatkan mutu pembelajaran selaras dengan hasrat kerajaan untuk melahirkan golongan profesional integriti.

Makmal Kaunseling membolehkan pelajar mempertingkatkan kemahiran, teknik dan proses kaunseling melalui integrasi kemahiran asas kaunseling dan pendekatan teknologi terkini sama ada secara individu atau berkelompok.

Pendekatan ini adalah inisiatif menghasilkan perbincangan yang melibatkan kemahiran asas kaunseling serta memberi pendedahan tentang pelaksanaan peringkat-peringkat kaunseling.

Jelas Halim, setiap makmal ini berbeza kerana mempunyai beberapa ciri khas pembelajaran dan memfokuskan kepada perbincangan, merakam gambar dan suara, penyuntingan, kawalan dan rakaman.

“Teknologi Makmal Kaunseling ini memudahkan pensyarah mengendalikan latihan dan praktikal secara berkesan kerana ia dapat mengawal perjalanan



PROF. DR. NAIM AHMAD

kelas dan latihan secara berpusat.

“Dengan itu, ia melengkap hasrat USIM untuk terus menjadi pelopor dan bersepadu untuk merealisasikan kemudahan pembelajaran kelas pertama dunia,” katanya.

Sementara itu, Ketua Program Komunikasi Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan USIM, Prof. Dr. Naim Ahmad berkata, dasar USIM adalah memastikan setiap kemudahan yang disediakan bersesuaian dengan kursus yang ditawarkan.

Sehubungan itu, katanya, USIM me-



CANGGIH... Kemudahan peralatan yang berkualiti memberi satu pendekatan kondusif untuk pelajar-pelajar menjalankan program rakaman secara profesional.

labur dengan pembinaan makmal ini untuk memastikan para pelajar melalui pengalaman seolah-olah situasi sebenar menjalankan tugas.

“Kemudahan yang disediakan di makmal komunikasi adalah seperti

kamera video, bilik dan studio.

“Bilik rakaman dan kemudahan interaktif lain kini dalam proses pembangunan dan perancangan. Ia dijangka siap sepenuhnya tahun depan,” kata beliau.

Program Sijil Pembelajaran Sepanjang Hayat USIM

Program yang ditawarkan ialah:

- **Kursus Sijil Undang-Undang Keluarga Islam dan Masyarakat.**
Jangka masa program ialah 12 minggu dan kuliah pada setiap Sabtu.
- **Kursus Sijil Pengurusan Kewangan Masjid**
Jangkamasa program ialah enam minggu (kuliah pada setiap Sabtu).
- **Kursus Sijil Talaqqi al-Quran**
Subjek-subjek yang ditawarkan ialah Talaqqi al-Quran, Pengantar Ilmu Qi-raat, Ilmu Tajwid dan Pengantar Ulum al-Quran. Jangkamasa program ialah 12 minggu (kuliah pada setiap Sabtu).
- **Kursus Sijil Bahasa Arab dan Komunikasi (Tahap 1)**
Jangka masa program ialah 12 minggu (kuliah pada setiap Sabtu). Syarat kelayakan masuk ialah sekurang-kurangnya lulus Sijil Pelajaran Malaysia.
- Yuran bagi kursus Undang-Undang Keluarga Islam Dan Masyarakat, Kursus Talaqqi Al-Quran dan Bahasa Arab ialah RM500. Yuran kursus Pengurusan Kewangan Masjid ialah RM250. Tarikh tutup permohonan ialah 10 Ogos manakala pendaftaran ialah pada 25 Ogos. Kursus akan bermula pada 1 September.

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi 06-798 8690/8689 Nur Adlina Adennan (adlina@admin.kuim.edu.my) atau 012-2551656 Dr. Sapora Sipon (sapora@admin.kuim.edu.my) atau faks: 06-798 8238.

MAKMAL KAUNSELING

COUNSELING LABORATORY

مختبر الاستشارات

